

Ayam ternakan tempatan selamat

PUTRAJAYA 16 Jun - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) tidak menemui sebarang penyakit misteri pada ayam ternakan seperti yang dilaporkan oleh akhbar tempatan dan media sosial baru-baru ini.

Jabatan itu dalam kenyataannya memberitahu, pemeriksaan dan pemantauan yang dilakukan di semua loji penyembelihan ayam di seluruh negara mendapati ayam yang diproses adalah selamat.

"Berdasarkan maklumat pemeriksaan dan pemantauan, jabatan merumuskan ayam-ayam yang disembelih dan diproses di loji-loji pemprosesan ayam dan dipasarkan adalah selamat.

"Jabatan juga tidak menerima sebarang laporan mahupun aduan kematian ayam-ayam di ladang yang luar biasa kejadiannya," jelas kenyataan itu di sini hari ini.

JPV sebelum ini ada menerima aduan berhubung ayam ternakan dijangkiti penyakit misteri yang didakwa boleh berjangkit kepada manusia.

Berhubung tanda bintik-bintik *ecchymotic haemorrhage* yang terdapat pada daging ayam ternakan, jabatan itu menjelaskan, ini disebabkan penyakit ayam khusus iaitu 'Bursal' dan bukannya penyakit misteri seperti didakwa.

Jelas kenyataan itu, ayam-ayam dengan tanda klinikal seumpama itu tidak akan disembelih selepas disahkan melalui pemeriksaan antemortem (pemeriksaan sebelum



Jabatan juga tidak menerima sebarang laporan mahupun aduan kematian ayam-ayam di ladang yang luar biasa kejadiannya."

KENYATAAN

penyembelihan).

"Penyakit ini boleh berlaku jika ayam di ladang tidak diberikan vaksinasi pada peringkat awal usianya. Penyakit ini tidak boleh menjangkit manusia (zoonotik).

"Begitu juga dengan tanda *erythematous vesicular papules* yang terdapat pada jari manusia. Itu adalah tanda penyakit khusus dalam kalangan manusia. Ia berkemungkinan disebabkan penyakit jangkitan tangan, kaki dan mulut. Kedua-dua penyakit ini berbeza dari segi virus penyebabnya," jelas kenyataan itu.

JPV menggalakkan orang ramai melayari laman-laman web yang boleh dipercayai untuk memahami jenis penyakit haiwan dan manusia sebelum menyebarkan laporan seumpama itu.

Selain itu, orang ramai juga dialu-alukan untuk menghubungi JPV bagi memaklumkan jika ada kes ayam dijangkiti penyakit di loji penyembelihan supaya tindakan susulan yang lebih terperinci dapat dijalankan.

utusan
17/6